



## Jabatan Bendahari ungguli Kejohanan Bola Tampar Tertutup Staf Ke-4

Pasukan bola tampar Jabatan Bendahari, Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang diberisi beberapa orang pemain varsiti dan negeri telah berjaya mengungguli buat kali pertama Kejohanan Bola Tampar Tertutup Staf kali Ke- 4 Piala Bendahari yang telah berlangsung bermula dari 2 hingga 13 Februari 2009 yang lalu.

Perlawanan akhir pada kali itu telah menemukan pasukan Jabatan Bendahari dan Pasukan Pejabat Naib Canselor.

Perlawanan berlangsung dalam suasana yang cukup sengit dan mendebarkan apabila kedua-dua pasukan saling mengejar mata dalam usaha untuk mengejar gelaran juara.

Namun tuah dan pengalaman lebih berpihak kepada Jabatan Bendahari sebelum mencatat kemenangan 25-23 dan 25-20. Perlawanan yang turut disaksikan oleh Naib Canselor UMP, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Bendahari UMP, Zainudin Othman berlangsung dalam suasana meriah ekoran sokongan padu penyokong kedua-dua belah pihak yang mahu pasukan masing-masing menjuarai kejohanan tersebut.

Kedua-dua pasukan mencatat sejarah apabila buat pertama kali berjaya melangkah ke perlawanan akhir dan lebih membanggakan Pejabat Naib Canselor

memenangi semua perlawanan peringkat kumpulan dalam perjalanan menuju ke akhir.

Tempat ke-3 kategori lelaki dimenangi oleh Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) yang berjaya menewaskan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) dalam perlawanan penentuan tempat ke-3 dan ke-4.

Sementara itu, bagi kategori wanita, johan disandang oleh pasukan FKEE, naib johan dimenangi oleh Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKKP) dan tempat ke-3 pasukan Perpustakaan.